

eBULETIN JSKM 2022



MENARIK DI DALAM

Bengkel Main Dart • Kerachut 2022 • Treasure Hunt: Kepimpinan Melalui Kerja Berpasukan • Perjalanan Seorang Pejuang Kanser • 5 Simple Video Maker (Online) • 10 Tarikan di Bandar Taipang • dan banyak lagi...

KELUARAN KE-8 ● EDISI NOVEMBER 2022

ISI KANDUNGAN

3

DARI MEJA EDITOR

4

***SETINTA KATA DARI
KOORDINATOR***

5

AKTIVITI JSKM 2022

24

PERKONGSIAN

103

PENULISAN KREATIF

107

UJI MINDA

111

NOTA

DARI MEJA EDITOR



Ketua Editor

Ts. Hj. Jamal Othman

Editor

Ts. Dr. Hjh. Rozita Kadar

Pn. Zuraira Libasin

En. Mohd Syafiq Abdul Rahman

Tn. Hj. Saiful Nizam Warris

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, jawatankuasa Unit Penerbitan dan Publisiti, Jabatan Sains Komputer & Matematik (JSKM) memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T atas penerbitan e-Buletin JSKM Edisi yang 8, sesi 20224. Mulai tahun ini, jawatankuasa telah menetapkan bahawa e-Buletin JSKM akan dikeluarkan sebanyak dua kali setahun bagi membantu warga JSKM menerbitkan karya kreatif di peringkat jabatan dan UiTM Cawangan Pulau Pinang.

Jawatankuasa telah menerima hampir 50 karya dari warga JSKM meliputi skop perkongsian pengalaman, pelaporan aktiviti jabatan, puisi, pantun dan permainan minda (game). Hasil karya yang dihantar kepada jawatankuasa sungguh mengagumkan dan ini menunjukkan warga JSKM mempunyai bakat-bakat seni selain dari penulisan akademik dalam jurnal atau prosiding samada peringkat universiti, kebangsaan dan antarabangsa. Warga JSKM adalah diharapkan terus berkarya dan cuba terbitkan karya kreatif ke majalah terkemuka Malaysia atau di peringkat antarabangsa.

Jawatankuasa juga menyarankan kepada semua setiausaha jawatankuasa di peringkat JSKM yang telah melaksanakan sebarang aktiviti agar mengemukakan laporan aktiviti jabatan. Salah satu kekuatan jabatan adalah pelaksanaan kepelbagaian aktiviti untuk staf samada di peringkat jabatan atau universiti. Bagi membolehkan pihak luar mengukur kekuatan atau populariti sesebuah jabatan adalah melalui pelaporan aktiviti dalam penerbitan e-buletin jabatan.

Saya mengucapkan terimakasih kepada semua pengkarya yang telah mengemukakan artikel masing-masing. Tidak lupa kepada jawatankuasa Unit Penerbitan dan Publisiti yang telah bertungkus lumus menyiapkan e-Buletin JSKM Edisi ke 8, sesi 20224 dengan proses semakan yang terperinci dan rekabentuk yang mengagumkan. Saya berharap penerbitan e-buletin ini memuaskan semua pihak.

Buat akhir kata, teruskan berkarya dengan penuh daya menuju kecemerlangan.

وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

KETUA EDITOR